



**Kedai-Buku.com | Gedung Buku Online Malaysia |  
Malaysia Online Book Store**

*Kedai-Buku.com*

## **TB Formula Solat Sempurna**

RM 28.00



Tajuk : Formula Solat Sempurna  
Pengarang : Dr Zaharuddin Abd Rahman  
Penerbit : Telaga Biru Sdn Bhd  
ISBN : 978-983-3494-98-9  
Status Stok : ADA

FORMULA SOLAT SEMPURNA ini menjelaskan kepada pembaca dengan pendekatan mudah dan mantap berkenaan cara menunaikan solat secara lebih sempurna iaitu dengan menggabungkan sunat-sunat semasa solat bersama rukun dan syaratnya.

Keistimewaan buku ini terletak pada kupasan ringkas dan padat hasil kajian mendalam daripada kitab-kitab turath silam dan kontemporari. Penulis membawakan nas-nas yang terbaik hasil ijihad para ulama silam dan semasa.

Aspek ini menjadikan ia sebuah buku yang amat sesuai buat semua lapisan masyarakat dan latar belakang, hingga mereka yang mempunyai kefahaman Syariah yang minimum juga mampu memahami ulasan di dalam buku ini dengan baik. Demikian juga mereka yang khusus dalam ilmu Syariah juga diyakini akan mendapat sesuatu yang menarik daripada buku ini.

Kandungan buku ini disusun dalam bentuk menarik mengikut kronologi pergerakan solat dan kemudian disusuli dengan nas-nas warid daripada Nabi s.a.w. Seterusnya huraian amat berguna berkaitan khushyuk, masalah dan punca kehilangannya dewasa ini.

Agak sukar ditemui sebuah buku yang merawat pelbagai isu solat dalam bentuk komprehensif, padat

berserta dali-dalil sebegini. Ini menjadikan buku di hadapan anda ini begitu istimewa dan mesti dimiliki oleh semua lapisan masyarakat sama ada pelajar, ulama, ahli akademik, orang ramai dan bagi semua yang ingin mengaudit solat mereka sama ada menurut mazhab Syafi'i atau lainnya.

#### [Vendor Information](#)

**luqman**

**(Sunday, 03**

**June 2012)**

Rating:



buku yg sangat  
bagus ! untuk  
menyempurnakan  
lagi solat kita. sila  
beli !